Good food, Good life

Soalan-soalan Lazim (FAQs)

NESCAFÉ PROJEK HIDUPKAN DUNIAMU

1. **Apakah NESCAFÉ Projek Hidupkan Duniamu?**
    - Projek Hidupkan Duniamu meneruskan usaha NESCAFÉ Youth Entrepreneurship Programme (NYEP), dengan memberi peluang kepada golongan muda Malaysia untuk memberi komitmen sepenuhnya terhadap apa yang mereka percaya dan mencapai kemajuan yang bermakna dalam tempoh enam (6) bulan.
    - Peserta yang terpilih akan menerima sokongan kewangan selama enam (6) bulan, bimbingan mentor dan panduan, dengan sasaran pencapaian yang jelas untuk membantu mereka mengembangkan aspirasi, projek atau usaha niaga serta merealisasikan minat dan potensi mereka dengan kemajuan yang nyata.

2. **Siapakah yang layak menyertai?**
    - Program Mentor ini terbuka kepada warganegara Malaysia yang berumur antara 18 hingga 30 tahun, dan memiliki dokumen pengenalan diri yang sah pada permulaan Tempoh Program Mentor.

3. **Apakah Tempoh Program Mentor?**
    - Program Mentor akan berlangsung selama lapan (8) bulan, dari 5 Oktober 2026 hingga 31 Mei 2027, merangkumi peringkat-peringkat berikut:
        i. Tempoh Penyertaan Dalam Talian (“Tempoh Penyertaan”): Bermula pada jam 00:00:00 pada 5 Oktober 2026 dan ditutup pada jam 23:59:59 pada 30 November 2026.
        ii. Tempoh Senarai Pendek & Orientasi: 1 Disember 2026 hingga 31 Disember 2026.
        iii. Tempoh Program Mentor: 1 Januari 2027 hingga 30 April 2027.
        iv. Tempoh Finale: 1 Mei 2027 hingga 31 Mei 2027.

4. **Apakah jenis aspirasi, projek atau usaha niaga yang boleh saya hantarkan?**
    - Aspirasi, projek atau usaha niaga anda mestilah tergolong dalam SATU (1) daripada lima bidang minat berikut:
        i. Kulinari
        ii. Muzik
        iii. Seni Filem
        iv. *Gaming* & Teknologi
        v. Fesyen
    - Anda tidak perlu mempunyai perniagaan untuk menyertai. Aspirasi, projek atau usaha niaga anda boleh berada pada peringkat idea, peringkat awal pembangunan, atau sesuatu yang telah anda usahakan atau jalankan secara aktif untuk tempoh tidak melebihi tiga (3) tahun setakat 5 Oktober 2026.

- Aspirasi, projek atau usaha niaga anda mestilah mematuhi undang-undang serta selaras dengan amalan NESTLÉ yang bertanggungjawab, beretika dan mampan, dan tidak termasuk dalam mana-mana kategori yang dikecualikan seperti yang dinyatakan dalam Terma & Syarat Program Mentor.

5. **Adakah saya perlu membeli produk NESCAFÉ atau NESTLÉ untuk menyertai?**
   - Tidak. Tiada pembelian diperlukan untuk menyertai NESCAFÉ Projek Hidupkan Duniamu.

6. **Bagaimanakah saya boleh menyertai?**
   - Untuk menyertai, anda perlu:
     i. RAKAM: Rakam satu Video Asal berdurasi tidak melebihi enam puluh (60) saat dan kongsikan kisah anda serta aspirasi, projek atau usaha niaga anda. Muat naik video di TikTok atau Instagram, atau kedua-dua platform secara serentak, dengan *hashtag* #nescafehidupkanduniamu. Penggunaan *hashtag* ini adalah pilihan dan tidak akan menyebabkan Penyertaan dibatalkan.
     ii. LAYARI: Layari Borang Program Mentor: https://nestlmalaysianew5.qualifioapp.com/quiz/1854950_3108/projekhidupkanduniamu2026.html
     iii. HANTAR: Lengkapkan maklumat peribadi serta butiran aspirasi, projek atau usaha niaga anda, muat naik Video Asal, berikan pautan video TikTok atau Instagram yang sepadan, bersetuju dengan Terma & Syarat Program Mentor dan Notis Privasi, kemudian hantar penyertaan anda dalam Tempoh Penyertaan.
     iv. SELESAI: Halaman Terima Kasih akan dipaparkan setelah penyertaan anda berjaya dihantar. Hanya Peserta yang tersenarai akan dihubungi oleh Agensi Program Mentor yang dilantik melalui WhatsApp Business.

7. **Apakah yang perlu saya sertakan dalam video berdurasi 60 saat?**
   Video anda perlu membantu kami memahami:
   - Siapa diri anda serta aspirasi, projek atau usaha niaga anda;
   - Mengapa ia penting kepada anda dan apakah yang telah anda lakukan setakat ini;
   - Apakah yang ingin anda capai sepanjang Program Mentor dan sejauh mana anda ingin membawa aspirasi, projek atau usaha niaga tersebut selepas program;
   - Perbezaan atau impak yang boleh dihasilkan untuk diri anda dan/atau orang lain; dan
   - Bagaimana sokongan kewangan dan bimbingan mentor melalui program ini dapat membantu anda bergerak ke hadapan.

8. **Apakah syarat penghantaran video?**
   - Video Asal anda mestilah:
     i. Berdurasi tidak melebihi 60 saat;
     ii. Dalam format menegak 9:16;
     iii. Dalam format MP4, MOV, MPEG atau AVI;
     iv. Bersaiz tidak melebihi 30MB;
     v. Menampilkan anda sendiri di hadapan kamera dan menggunakan suara anda sendiri; dan
     vi. Berdasarkan kisah, mesej dan idea anda sendiri.

- Rakaman dan imej yang digunakan juga mestilah rakaman atau kandungan asli yang dirakam atau dihasilkan oleh atau untuk anda. Rakaman stok, imej stok atau kandungan yang diambil daripada pencipta kandungan lain adalah tidak dibenarkan.

9. Adakah saya perlu memuat naik video saya ke TikTok atau Instagram?

- Ya. Anda perlu memuat naik Video Asal yang sama ke akaun TikTok atau Instagram anda dan memberikan pautan video TikTok atau Instagram tersebut dalam Borang Penyertaan.
- Hanya pautan video TikTok atau Instagram akan diterima. Pautan daripada Facebook, YouTube atau platform lain tidak akan diterima.
- Akaun TikTok atau Instagram anda mestilah ditetapkan sebagai akaun awam, dan video TikTok atau Instagram yang dihantar mestilah kekal boleh diakses oleh orang awam sepanjang tempoh lapan (8) bulan Program Mentor. Sila jangan padam video tersebut atau menukar akaun anda kepada akaun peribadi sepanjang tempoh ini.

10. Bolehkah saya menghantar lebih daripada satu penyertaan?

- Ya. Anda boleh menghantar lebih daripada satu (1) penyertaan sepanjang Tempoh Penyertaan.
- Walau bagaimanapun, hanya satu (1) Penyertaan bagi setiap Peserta boleh tersenarai dalam 15 Teratas. Sekiranya lebih daripada satu Penyertaan anda berada dalam kedudukan 15 Teratas, hanya Penyertaan anda yang memperoleh markah tertinggi akan dipertimbangkan.

11. Bolehkah saya menyertai bersama rakan saya?

- Tidak. Penyertaan hanya terbuka kepada Peserta secara individu. Penyertaan secara berkumpulan tidak dibenarkan.

12. Siapakah yang akan menilai penyertaan saya?

- Penyertaan yang Layak akan dinilai oleh panel juri yang dilantik, terdiri daripada wakil NESTLÉ dan pakar bidang daripada lima bidang minat - Kulinari, Muzik, Seni Filem, *Gaming* & Teknologi dan Fesyen.

13. Bagaimanakah penyertaan saya akan dinilai?

- Video dan penerangan mengenai aspirasi, projek atau usaha niaga anda akan dinilai berdasarkan kriteria berikut:
    i. Potensi Pertumbuhan Berterusan – 30%: Adakah aspirasi, projek atau usaha niaga anda berpotensi untuk berkembang, berevolusi dan diteruskan selepas Program Mentor?
    ii. Aspirasi, Projek atau Usaha yang Jelas dan Realistik – 25%: Adakah aspirasi, projek atau usaha niaga anda ditakrifkan dengan jelas, dengan langkah-langkah realistik yang boleh dicapai sepanjang Program Mentor?
    iii. Komitmen, Dorongan & Inisiatif – 20%: Apakah yang telah anda lakukan untuk merealisasikan aspirasi, projek atau usaha niaga anda?
    iv. Impak – 15%: Apakah perubahan yang boleh dibawa oleh aspirasi, projek atau usaha niaga anda kepada diri anda dan/atau orang lain?
    v. Kesesuaian Sokongan Program – 10%: Bagaimanakah program ini dapat membantu anda untuk terus maju?

- Setiap juri akan memberikan markah secara individu kepada Penyertaan yang Layak berdasarkan Kriteria Penilaian yang ditetapkan. Markah daripada semua juri kemudiannya akan digabungkan dan dipuratakan untuk menentukan Markah Akhir setiap Peserta, dan Peserta akan disenaraikan mengikut Markah Akhir masing-masing.

14. Bolehkah saya menggunakan AI untuk membantu menyediakan penyertaan saya?

- Ya. AI boleh digunakan sebagai alat sokongan, tetapi tidak boleh menggantikan identiti, suara, kisah atau penglibatan peribadi anda. AI boleh digunakan untuk tujuan asas seperti penyuntingan video, kapsyen dan sari kata, pembetulan warna, penambahbaikan audio serta bantuan dari segi bahasa atau penyampaian.
- Walau bagaimanapun, AI tidak boleh digunakan untuk menjana atau menggantikan anda atau individu lain yang muncul dalam video, menghasilkan penyampai maya atau avatar, mengklon suara anda, menghasilkan deepfake, atau menjana rakaman, imej, latar belakang atau B-roll untuk penyertaan anda.
- Penyertaan anda mestilah kekal sebagai gambaran sebenar mengenai diri anda, aspirasi, projek atau usaha niaga anda serta pengalaman anda sendiri.

15. Bolehkah individu lain muncul dalam video saya?

- Ya. Individu lain boleh muncul dalam video anda, dengan syarat anda telah mendapatkan persetujuan yang sewajarnya daripada mereka. Walau bagaimanapun, kanak-kanak di bawah umur enam (6) tahun tidak dibenarkan muncul dalam video, walaupun persetujuan telah diperoleh.
- Sekiranya individu yang berumur enam (6) tahun hingga di bawah 18 tahun muncul dalam video, persetujuan daripada ibu bapa atau penjaga sah mereka hendaklah diperoleh sebelum video dirakam.
- Harap maklum bahawa penyertaan adalah secara individu sahaja. Hanya Peserta yang dinamakan dalam Borang Penyertaan layak untuk dipilih dan menerima manfaat Program. Penyertaan secara berkumpulan atau bagi pihak individu lain tidak akan diterima.

16. Bolehkah saya menggunakan muzik dalam video saya?

- Ya. Anda boleh menggunakan audio asli milik anda sendiri atau muzik pihak ketiga yang mempunyai lesen yang sewajarnya.
- Anda bertanggungjawab memastikan bahawa anda mempunyai hak atau lesen yang diperlukan untuk menggunakan sebarang muzik atau bahan pihak ketiga yang disertakan dalam penyertaan anda.

17. Adakah terdapat jenis aspirasi, projek atau usaha niaga yang tidak layak?

- Ya. Aspirasi, projek, usaha niaga atau aktiviti tertentu tidak layak, termasuk yang melibatkan alkohol, produk tembakau atau vape, perjudian, senjata, pemasaran berbilang tingkat atau skim piramid, perdagangan mata wang kripto atau perkhidmatan kewangan tanpa lesen, serta perniagaan (sama ada lokal atau antarabangsa) yang bersaing secara langsung dalam kategori kopi dalam apa-apa bentuk.
- Aspirasi, projek atau usaha niaga yang melibatkan kandungan berbahaya, berunsur diskriminasi, lucah atau seksual secara eksplisit, atau kandungan yang tidak sesuai berkaitan kaum, agama, institusi diraja atau politik juga tidak layak.

18. Berapakah bilangan Peserta yang akan tersenarai?

- Penyertaan yang Layak akan disusun mengikut Markah Akhir, daripada markah tertinggi hingga terendah. Lima belas (15) Peserta yang memperoleh markah tertinggi akan tersenarai sebagai Finalis untuk meneruskan ke Temu Duga Dalam Talian dan proses pengesahan yang berkaitan.
- Sekiranya anda menghantar lebih daripada satu Penyertaan yang Layak, hanya Penyertaan yang Layak dengan markah tertinggi akan dipertimbangkan untuk tersenarai, kerana hanya satu (1) Penyertaan bagi setiap Peserta boleh tersenarai sebagai Finalis.

19. Apakah yang berlaku sekiranya saya tersenarai?

- Peserta yang tersenarai akan dihubungi oleh Agensi Peraduan yang dilantik melalui WhatsApp Business (+6011 2877 4878) dan perlu mengesahkan kehadiran ke Temu Duga Dalan Talian dalam tempoh 48 jam.
- Anda kemudiannya akan dijemput menghadiri Temu Duga Dalam Talian selama 15-30 minit, di mana pihak kami akan mengenali anda serta aspirasi, projek atau usaha niaga anda dengan lebih lanjut, di samping menilai kesediaan dan keupayaan anda untuk memberi komitmen kepada Program Mentor selama enam (6) bulan.
- Penyertaan akhir dalam Program Mentor akan disahkan setelah proses temu duga dan pengesahan yang berkenaan selesai.

20. Apakah yang akan saya terima sekiranya terpilih untuk Program Mentor?

Peserta yang terpilih akan menerima:

- Elaun kewangan bulanan sebanyak RM4,000 selama enam (6) bulan, berjumlah RM24,000 bagi setiap Peserta;
- Bimbingan dan panduan daripada mentor yang dilantik;
- Matlamat individu dan sasaran pencapaian yang boleh diukur;
- Semakan kemajuan dan sokongan sepanjang program; dan
- Peluang untuk menyertai Finale Program.

21. Apakah yang perlu saya lakukan sepanjang Program Mentor selama enam (6) bulan?

- Sekiranya anda terpilih untuk Program Mentor, anda dikehendaki berusaha secara aktif untuk mencapai matlamat dan sasaran pencapaian yang telah dipersetujui, menghadiri sesi bimbingan mentor bulanan dan semakan kemajuan yang diperlukan, memberikan perkembangan terkini mengenai kemajuan anda serta menyertai Finale Program.
- Sesi bimbingan mentor dan aktiviti Program yang berkaitan boleh dijalankan secara fizikal atau dalam talian, bergantung pada pengaturan dan keperluan Program yang ditetapkan oleh Penganjur. Peserta dikehendaki menghadiri sesi mengikut format yang dimaklumkan oleh Penganjur.
- Keperluan dan jadual program yang lebih terperinci akan dikongsikan dengan Peserta yang tersenarai semasa proses orientasi.

22. Apakah yang akan berlaku semasa Finale Program?

- Pada penghujung program selama enam (6) bulan, Peserta akan berpeluang untuk membentangkan perjalanan, kemajuan dan hasil nyata yang telah dicapai, serta berkongsi perancangan mereka untuk langkah seterusnya.
- Maklumat lanjut mengenai Finale, termasuk format, insentif dan kriteria penilaian yang berkenaan, akan dimaklumkan pada peringkat seterusnya.

23. **Apakah yang berlaku jika saya menghantar maklumat yang tidak lengkap atau salah?**
    - Penyertaan yang tidak lengkap, tidak jelas, diduplikasi atau dipalsukan boleh dihilangkan kelayakan tanpa notis terlebih dahulu. Sila pastikan semua maklumat yang dihantar adalah tepat.

24. **Di manakah saya boleh mendapatkan Terma & Syarat penuh Program Mentor?**
    - Terma & Syarat penuh Program Mentor serta Notis Privasi boleh didapati di Laman Program Mentor Projek Hidupkan Duniamu: https://www.nescafe.com/my/campaigns/projek-hidupkan-duniamu-2026

Sekiranya Soalan Lazim (FAQ) Program Mentor ini disediakan dalam bahasa Inggeris dan mana-mana bahasa lain, sekiranya terdapat sebarang ketidakseragaman antara versi bahasa Inggeris dan mana-mana versi bahasa lain, versi bahasa Inggeris hendaklah diguna pakai dan dikuatkuasakan dalam semua hal.